

SITUASI PENGGUNAAN OTV DAN PENYELESAIAN

(1) Pembayaran Emolumen Pegawai Yang Baru Berkhidmat

PERKARA	PENYELESAIAN
Pembayaran Emolumen Pegawai Yang Baru Berkhidmat yang belum mempunyai kod Vendor Employee	<p>OTV dibenarkan tiga (3) kali untuk pegawai baru berkhidmat belum mempunyai kod EMPLOYEE.</p> <p>Mengambil kira proses penyediaan Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) ada yang mengambil masa sehingga ke dua(2) bulan, menyebabkan PTJ menggunakan OTV sementara maklumat kod vendor EMPLOYEE diwujudkan di iGFMAS. Justeru, Pejabat Perakaunan memohon untuk dibenarkan sekurang-kurangnya tiga (3) kali penggunaan OTV bagi pembayaran emolumen pegawai yang baru berkhidmat dalam tempoh kod vendor EMPLOYEE yang masih belum diwujudkan kerana kelewatan penyediaan Kew 8 oleh BPSM.</p>

SITUASI PENGGUNAAN OTV DAN PENYELESAIAN

(2) Pembayaran Melalui Bank Deraf Kepada Pembekal Luar Negara

a. Pendaftaran pembekal luar negara bagi Kod Pembekal SUPP (Siri 6)

Pendaftaran pembekal luar negara bagi Kod Pembekal SUPP (Siri 6) adalah dibenarkan di iGFMAS melalui platform eVendor. Walau bagaimanapun, terdapat semakan kawalan digit poskod yang dihadkan kepada 5-digit sahaja selari dengan bilangan digit poskod yang digunakan oleh Malaysia.

Sekiranya negara tersebut menggunakan poskod 5 digit, proses pendaftaran adalah seperti sedia ada.

Sekiranya negara tersebut menggunakan selain poskod 5 digit, workaround yang disyorkan oleh BPTM adalah dengan mengemaskini maklumat penuh poskod di dalam medan alamat.

b. Pembayaran melalui iGFMAS kepada pembekal tersebut

Arahan Pembayaran (Modul AP) kepada pembekal luar negara perlu menggunakan Jenis Bayaran D - Bank Draf/TT.

c. Pendaftaran pembekal luar negara bagi Kod Pembekal SUPP (Siri 6)

Syor Penyelesaian :

Pendaftaran pembekal luar negara bagi Kod Pembekal SUPP (Siri 6) pada masa ini dibolehkan melalui eVendor.

Justeru pembayaran melalui Bank Deraf kepada pembekal luar negara tidak perlu menggunakan OTV kerana pendaftaran kod vendor boleh dibuat melalui eVendor seperti yang dinyatakan di atas.

SITUASI PENGGUNAAN OTV DAN PENYELESAIAN

(3) Pembayaran Kepada Penerima Bayaran Individu Bagi Aktiviti Suruhanjaya Pilihanraya (SPR)

PERKARA	PENYELESAIAN
Pembayaran kepada penerima individu bagi aktiviti SPR melibatkan penjawat awam dan orang awam.	Diputuskan untuk menggunakan kod vendor employee (penjawat awam) dan Payee Non Supplier (PANS) untuk bukan penjawat awam sebagai alternatif selain OTV sepertimana keputusan minit mesyuarat - Mesyuarat Mengenai Cadangan Sekatan Ke Atas Penggunaan <i>One Time Vendor</i> (OTV) Bersama Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM), Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Dan Pejabat Perakaunan bertarikh 21 September 2022 yang dilampirkan.

(4) Pembayaran Melalui Bayaran Balik Hasil Kepada Orang Awam/ Syarikat

PERKARA	PENYELESAIAN
Pembayaran kepada orang awam atau syarikat melalui Bayaran Balik Hasil menggunakan OTV	Menggunakan kod vendor <i>Payee Non Supplier</i> (PANS) bagi individu dan kod Vendor SUPP yang didaftarkan secara <i>off-line</i> oleh Pejabat Perakaunan bagi pembekal yang tidak memberikan perkhidmatan kepada Kerajaan dan tidak berdaftar di eVendor untuk tujuan bayaran balik hasil.

SITUASI PENGGUNAAN OTV DAN PENYELESAIAN

(5) Pembayaran Kepada Penerima Bayaran Individu Yang Tidak Mempunyai Kad Pengenalan

PERKARA	PENYELESAIAN
Pembayaran kepada Individu Yang Tidak Mempunyai Kad Pengenalan. Merujuk kepada Bayaran Elaun Saku Rumah Kanak-Kanak Sultan Abdul Aziz.	Pembayaran menggunakan kod siri 6000 bagi entiti pendaftar <i>Others Dalam Negeri</i> (ODN) di sistem eVendor sepertimana syor BPTM. Walaubagaimanapun, ID di bank hendaklah selari dengan yang didaftarkan di eVendor bagi tujuan pelaksanaan 2 nd validation kelak.

(6) Pembayaran Pegawai Yang Masih Berkhidmat Dibayar Di Luar *Payroll* Kerana Tindakan Tatatertib

PERKARA	PENYELESAIAN
Pembayaran Pegawai Yang Masih Berkhidmat Dibayar Di Luar <i>Payroll</i> Kerana Tindakan Tatatertib di mana kod <i>Vendor Employee</i> adalah tidak aktif.	Mewujudkan kod vendor <i>Payee Non Supplier</i> (PANS) bagi Pegawai Yang Masih Berkhidmat Dibayar Di Luar <i>Payroll</i> Kerana Tindakan Tatatertib. Bayaran kepada pegawai boleh menggunakan kod vendor PANS bagi kes ini.